

# KUMPULAN CERITA RAKYAT SARAWAK

## NARIAK DAN PUTERI KAYANGAN

Nariak dan ibunya menyara hidup mereka dengan bercucuk tanam. Mereka bertanam padi, ubi dan keladi. Nariak anak yang rajin, berfikiran matang serta taat kepada orang tuanya. Walaupun usianya sudah agak lanjut tetapi dia masih belum tergerak untuk berumah tangga. Setiap kali ditanya oleh ibunya, Nariak akan memberi alasan yang sama—dia masih belum bertemu dengan perempuan yang sesuai.

“Sesuai macam mana lagi?” tanya ibu Nariak pada suatu hari.

“Bakal isteri saya mestilah orang yang memiliki sifat dan peribadi seperti ibu juga.” Kali ini baharulah Nariak berani membuat pengakuan.

“Kalau begitu, cakaplah awal-awal. Perempuan macam itu, memang ada tetapi bukan di sini,” kata ibu Nariak lagi.

“Maksud ibu?”

“Dia orang kayangan. Anak bongsu si Raja Langit. Kamu carilah dia di sana,” kata ibu Nariak lagi.

Setelah mendengar kata-kata ibunya itu, Nariak pun bersetuju dan terus berusaha mencari jalan bagaimana untuk mendatangi gadis yang dimaksudkan oleh ibunya tadi. Pada suatu malam Nariak pun bermimpi didatangi seorang lelaki yang tidak dikenalnya. “Kamu kutiplah dahan pokok nibung untuk dibuat peluru sumpit. Buat peluru itu sebanyak yang kamu mampu. Selepas itu kamu sumpit peluru itu satu-persatu ke arah langit hingga bersambung-sambung membentuk tali panjang yang menghubungkan bumi dan langit. Panjat tali itu untuk sampai ke langit,” pesan lelaki itu.

Apabila Nariak terjaga dari tidur keesokan paginya dia terus melakukan seperti apa yang dinasihati itu. “Semoga kamu berjaya, nak,” kata ibunya yang bangga melihat ketampanan anak kesayangannya itu.

Nariak memanjat tali yang terbentuk daripada cantuman peluru sumpitnya tadi dengan penuh harapan. Sesampainya di langit Nariak melihat pemandangan di situ sangat indah berbanding dengan di bumi. Nariak pun berjalan-jalan mencari kawasan yang ada penghuninya. Apabila sampai di sebuah tempat yang merupakan pangkalan orang Nariak pun berhenti rehat untuk mandi di situ. Selepas mandi dan mengemaskan diri baharulah Nariak naik ke rumah panjang yang berhampiran.

Kedatangan Nariak disambut oleh penduduk rumah panjang itu. Nariak kemudian mendapat tahu bahawa rumah itu ialah rumah Raja Langit yang dicarinya. Nariak berasa gembira mendapati ada beberapa orang pemuda dari bumi yang terdiri daripada Liriang Telesan dan rakan-rakan sudah terlebih awal berada di situ. Bagaimanapun Liriang Telesan tidak begitu menyenangi kedatangan Nariak. Orang ramai juga berasa hairan melihat Nariak yang nampak hodoh. Raja Langit sendiri tidak mahu melayannya. Namun Nariak tetap tidak berputus asa dan bertekad untuk menemui gadis idamannya yang belum muncul-muncul.

Kini hari sudah petang. Anak-anak gadis Raja Langit dan rakan-rakan sedang sibuk menyiapkan hidangan untuk tetamu yang datang. Apabila hidangan sudah siap Nariak dan tetamu-tetamu lain pun dijemput makan. Bagaimanapun Nariak mendapati dirinya tidak dilayan sebaik mereka yang lain. Nariak pun berasa malu dan tidak berselera untuk makan.

Apabila para tetamu sudah selesai menjamu selera mereka pun duduklah berbual-bual di ruai. Nariak pula masih keluh kisah kerana hajatnya belum tercapai. Tiba-tiba dia didatangi seekor kelip-kelip. Kelip-kelip itu seolah-oleh berbisik kepadanya, ”Kamu janganlah risau

sangat. Ikut saja ke mana saya pergi. Di mana saya hinggap, di situlah kamu tidur,” kata kelip-kelip tadi.

Nariak memerhati dan mengikuti pergerakan kelip-kelip itu. Setelah terbang beberapa lama kelip-kelip itu pun hinggaplah di atas tempat tidur yang ditutupi dengan kelambu buruk dalam bilik Raja Langit. Ketika itu malam sudah larut dan orang lain semua sudah masuk tidur. Nariak cuba memberanikan diri mendekati tempat tidur tadi. Sejak malam itu Nariak pun tidurlah di situ.

Siang berganti malam, malam berganti siang dan masa terus berlalu. Nariak merendah diri dan sentiasa membantu keluarga Raja Langit mengerjakan segala jenis tugas yang diberikan kepadanya bersama-sama Lirang Telesan dan rakan-rakan. Lama-kelamaan sikap dan perangai Nariak itu telah menarik perhatian anak gadis Raja Langit yang bongsu. Sejak hari itu hubungan Nariak dan Puteri Bongsu pun semakin bertambah erat.

Pada suatu hari Raja Langit telah bertitah bahawa mana-mana pemuda yang berjaya menebang pokok *topiang* untuk dibuat perahu, dialah yang akan dipilih menjadi suami kepada anaknya. Keesokan harinya, semua pemuda yang berkenan dengan anak Raja Langit pun cuba menyahut cabaran itu. Mereka semua dibekalkan peralatan seperti kapak yang tajam kecuali Nariak yang sengaja dibekalkan dengan kapak yang tumpul.

Selepas itu, Lirang Telesan dan rakan-rakan pun pergilah dahulu. Namun, sebaik sahaja mereka sampai di bawah pokok tersebut mereka telah diserang oleh tebuhan, lipan dan ular yang menjalar di sana sini. Apalagi, mereka pun lari bertempiaran menyelamatkan diri. Tidaklah dapat mereka menebang pokok tadi. Mereka terpaksa pulang dengan tangan kosong!

Kini, tibalah giliran Nariak pula. Dia terpaksa pergi seorang diri mencari pokok kayu yang dimaksudkan. Dalam perjalanan itu dia terjumpa juga dengan serangga dan haiwan berbisa

tadi tetapi tidak sedikitpun diganggu. Sebaliknya serangga dan haiwan itu sama-sama membantu Nriak untuk menebang pokok sehingga tumbang! Apabila pokok sudah tumbang, Nariak didatangi pula binatang-binatang seperti beruk dan kera yang membantunya mengerjakan pokok iterebut!

Setelah batang pokok itu dibelah dan dibuat rangka perahu Nariak meminta binatang-binatang tadi untuk beredar dari situ supaya tidak diketahui oleh Puteri Bongsu. Gadis itu akan datang menghantar makanan untuk Nariak seperti yang dijanjikan. Sejurus kemudian muncullah Puteri Bongsu membawa hidangan untuk Nariak. Puteri Bongsu berasa hairan kerana tidak pernah mendengar bunyi pokok tersebut rebah. Sebaliknya, Nariak memberitahu bahawa pokok itu rebah dengan bunyi yang sangat kuat. Tanpa berbual panjang, Nariak meminta supaya Puteri Bongsu segera pulang. “Biarkan saya selesaikan kerja ini seorang diri,” katanya.

Apabila Puteri Bongsu sudah beredar dari situ Nariak pun memanggil keluar semua haiwan yang membantunya tadi. Nariak menjemput haiwan-haiwan itu untuk makan bersama. Pada mulanya, salah seekor monyet yang ada bersama tidak yakin makanan yang dibawa oleh Puteri Bongsu tadi cukup untuk semua. Bagaimanapun, dengan kuasa ajaib yang Nariak miliki, makanan itu tiba-tiba menjadi banyak hingga tidak habis dimakan!

Sesudah makan, Nariak dengan dibantu oleh haiwan-haiwan tadi, meneruskan kerja masing-masing sehingga berjaya menyiapkan sebuah perahu. Mereka kemudian membawa perahu itu ke sungai berdekatan. Ketika itu hari sudah petang. Semua haiwan yang membantu Nariak tadi pun meminta izin untuk beredar dari situ. Nariak mengucapkan terima kasih kepada binatang-binatang tersebut.

Selepas itu Nariak pulang membawa perahu yang sudah siap dan cantik tadi. Apabila dia sampai di pangkalan Nariak mendapati Liriang Telesan dan rakan-rakan juga sudah pulang

membawa perahu masing-masing. Bagaimanapun perahu mereka tidak sesempurna perahu Nariak. Selepas menambat perahunya pada sebuah jeti di pangkalan Nariak terus pulang ke rumah.

“Sudah siapkah perahu kamu?” tanya Puteri Bongsu.

“Sudah. Saya tinggalkan di pangkalan sana,” jawab Nariak. Dia tidak memaklumkan perkara itu kepada Raja Langit sendiri. “Biarlah dia tahu sendiri,” fikirnya.

Seolah-olah seperti sudah dirancang, menjelang subuh Raja Langit tiba-tiba sakit perut dan hendak membuang air besar. Dia pun bergegas menuju ke jeti di pangkalan. Alangkah terperanjatnya dia apabila melihat kilauan daripada perahu Nariak sehingga terjatuh ke dalam sungai! Raja Langit melarikan diri pulang ke rumah kerana ketakutan. Katanya, apa yang dilihatnya tadi mungkin hantu! Namun begitu isterinya kurang percaya.

Raja Langit kemudian pun membawa anak buahnya untuk pergi memeriksa perkara yang sebenarnya. Dia berasa sangat malu bercampur tercabar apabila mengetahui bahawa yang disangkanya hantu itu ialah perahu cantik buatan Nariak. Kebenciannya terhadap Nariak semakin memuncak. Raja Langit juga amat kecewa kerana Puteri Bongsu lebih sukakan Nariak berbanding dengan Liriang Telesan.

Pada suatu hari, kerana tidak lagi dapat menanggung rasa malu dan marah, Raja Langit menghalau Puteri Bongsu dan Nariak dari rumah. Mulai saat itu Puteri Bongsu dan Nariak pun menjadi suami isteri walaupun tidak mendapat restu daripada Raja Langit. Mereka terpaksa keluar dari rumah dan tinggal bersama Pakou suami isteri yang tinggal di hujung kampung. Walaupun demikian mereka hidup aman meskipun serba kekurangan.

Meskipun Nariak dan Puteri Bongsu sudah menjadi suami isteri namun Raja Langit yang belum berpuas hati masih juga mengemukakan cabaran-baran baru kepada Nariak. Cabaran yang

paling sukar ialah apabila Raja Langit meminta agar kawasan kebunnya yang dipenuhi rumpun buluh dibersihkan menjadi tapak huma. Liriang Telesan dan rakan-rakan yang cuba menyahut cabaran itu, gagal.

Nariak sebaliknya menyahut cabaran yang sama dengan tenang. Dia sentiasa mendapat bantuan daripada haiwan-haiwan sekeliling. Dengan bantuan haiwan-haiwan itu Nariak dengan mudah dapat meneroka kawasan tersebut hingga seluas-luasnya! Nariak tidak pernah menceritakan rahsia di sebalik kejayaan itu walaupun kepada Puteri Bongsu sendiri.

Apabila sudah tiba masa untuk membakar tapak huma, semua orang kampung, termasuk Liriang Telesan terpaksa melakukannya secara bergotong royong. Nariak pula membakar tapak humanya seorang diri dengan bantuan haiwan-haiwan tadi. Tapak huma itu terbakar rentung! Selepas itu Nariak mulalah menanam pelbagai jenis tanaman seperti timun, labu dan ubi kayu di atasnya dahulu. Hari berikutnya baharulah Nariak membawa isterinya untuk menanam padi pula.

Puteri Bongsu terperanjat apabila mendapati pelbagai jenis tanaman sudah tumbuh dengan subur. Pondok kecil di humanya pula sudah lengkap dengan segala makanan dan keperluan lain. Puteri Bongsu berasa sangat gembira bercampur bangga memiliki suami seperti Nariak yang rajin dan gagah dalam segala pekerjaan. Mereka membuat keputusan untuk bermalam di huma supaya memudahkan kerja mengurus huma mereka. Berbaloi dengan usaha yang dibuat, huma mereka mengeluarkan hasil yang lumayan.

Pada suatu hari, Pakou dan isterinya berasa rindu akan Nariak dan Puteri Bongsu yang telah lama bermalam di huma. Mereka pun pergilah menziarahi Nariak dan isterinya. Sesampai di huma mereka terkejut melihat hasil usaha Nariak. Nariak dan Puteri Bongsu melayan Pakou suami isteri dengan mesra. Sebelum mereka pulang mereka dibekalkan pelbagai jenis hasil tanaman.

Dalam perjalanan pulang Pakou suami isteri telah singgah di pangkalan. Raja Langit yang kebetulan sedang berada di sana ketika itu. Raja Langit berasa hairan apabila melihat Pakou dan isterinya membawa balik banyak hasil tanaman yang pelbagai jenis. Dia pun bertanya dari mana mereka berdua memperoleh semuanya itu.

Apabila mendengar penjelasan Pakou suami isteri Raja Langit semakin bertambah geram dan sakit hati terhadap Nariak. Raja Langit terus mencari cara dan helah lain untuk menundukkan lelaki itu. Kali ini Nariak diperintah berlumba perahu pula dengan Liriang Telesan dan rakan-rakan. Perlumbaan itu disaksikan oleh orang kampung. Dalam perlumbaan itu Nariak, dengan bantuan buaya, juga berjaya mengalahkan Liriang dan rakan-rakan.

Kini musim menuai sudah tiba. Nariak menuai padi dengan dibantu oleh Pakou dan isterinya. Puteri Bongsu tidak dapat turut serta kerana baharu sahaja melahirkan cahaya mata yang pertama. Nanak itu diberi nama Nujung. Pada suatu petang, selepas menuai, Pakou dan isterinya pulang ke kampung dengan membawa hasil tuaian hari itu. Pada sebelah malamnya mereka berdua telah pergi berjumpa dengan Raja Langit untuk menyampaikan khabar bahawa Puteri Bongsu sudah bersalin. Mereka meminta bantuan orang kampung untuk menuai padi di huma Nariak. Raja Langit bersetuju lalu mengarahkan semua orang kampung pergi melakukan kerja tersebut.

Hari berikutnya, orang kampung pun pergi beramai-ramai ke huma Nariak. Mereka sangat kagum melihat hasil padi yang sangat lumayan itu. Berbulan-bulan lamanya orang kampung bergotong-royong menuai padi di huma Nariak baharu habis. Raja Langit mula berubah hati terhadap Nariak dan menerima baik kehadiran lelaki itu dalam hidup anaknya. Kehadiran Nujung telah mengukuhkan lagi kasih sayang yang renggang sekian lama. Raja Langit kemudian meminta supaya Puteri Bongsu sekeluarga kembali tinggal bersamanya. Nariak

menurut permintaan bapa mentuanya dengan hati yang terbuka. Sejak hari itu mereka semua hidup aman damai.

Setelah bertahun-tahun tinggal di langit sana Nariak mula merindui ibunya yang ditinggalkan di bumi. Akhirnya dia pun meminta izin daripada isteri dan mentuanya untuk kembali ke bumi. Raja Langit merestui permintaan Nariak dan membenarkan Puteri Bongsu dan Nujung untuk ikut serta.

Keesokan harinya, Nariak sekeluarga pun kembalilah ke bumi. Ketibaan mereka disambut dengan penuh gembira oleh ibu Nariak dan orang kampung. Mulai saat itu, Nariak sekeluarga hidup aman bahagia di bumi.

---

[daripada cerita yang disampaikan oleh Puan Ladon anak Aban, dari Rumah Ado, Sungai Kakus, Tatau, 2006]

